

## Rektor INSANIAH Pembentang Utama Seminar Ekonomi Islam Antarabangsa di Indonesia



Prof. Dato' Dr. Jamil Bin Osman telah diberi penghormatan sebagai pembentang utama di Seminar Ekonomi Islam Antarabangsa anjuran Institut Agama Islam Negeri Imam Bonjol, Padang Indonesia pada 27 Mac 2009. Tajuk pembentangan tersebut ialah "Kebijaksanaan Dalam Mengembangkan Ekonomi Islam Di Malaysia: Antara Teori Dan Praktikal". Seramai lebih dari 350 orang cendikiawan dan pemikir ekonomi Indonesia telah menyertai seminar tersebut. Di dalam seminar tersebut INSANIAH juga diberi peluang memberi taklimat mengenai program Multimedia yang ditawarkan di Kulliyah Multimedia dan Kreativiti.

Pelajar INSANIAH Wakili Kedah Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan




2 Jasa Dato' Zakiah Dihargai



7 INSANIAH Anjur Seminar Ancaman Kristianisasi di Malaysia



9



## Pelajar INSANIAH Wakili Kedah Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan



Nor Shuhada Bt. Tajudin pelajar tahun tiga Kulliyyah Al-Quran mengharumkan nama INSANIAH dengan mewakili Negeri Kedah Darul Aman ke Majlis Hafazan Al-Quran Peringkat Kebangsaan yang berlangsung pada 6 hingga 10 April 2009 di Balai Islam Kelantan Darul Naim. Beliau yang sebelum ini menjadi Johan peringkat Negeri Kedah telah berjaya mendapat tempat keempat dalam kategori 15 Juzuk dan membawa pulang wang tunai RM 1,000.00 dan Piala Irlangan serta Sijil Penghargaan. Tahniah dan syabas diucapkan. INSANIAH juga turut berbangga kerana Tuan Syeikh Kadri Bin Abdul Hamid Al-Hafiz, Pensyarah Kulliyyah Tahfiz yang telah diberi penghormatan menjadi Hakim tetap untuk majlis tersebut setiap tahun.

### Bengkel Strategic Planning Naik Taraf Universiti INSANIAH

9 April 2009 — Satu Bengkel “Strategic Planning” sebagai persiapan bagi tujuan naik taraf Kolej Universiti INSANIAH kepada Universiti INSANIAH telah diadakan di City Ballroom, Star City Hotel, Alor Setar, Kedah. Antara pengisian bengkel tersebut ialah Taklimat Penyediaan Dokumen Naik Taraf ke status Universiti Penuh oleh Tuan Hj. Shaaya Bin Othman, Pengarah Pusat Kecemerlangan Kolej Universiti Islam Selangor (KUIS), Taklimat Kampus Kuala Ketil oleh Prof. Madya Dr. Mohd Muslim Bin Mohd Yusoff, Pengarah Pembangunan Kampus Kuala Ketil dan perbincangan dalam kumpulan. Bengkel yang berlangsung selama sehari ini telah dirasmikan oleh Prof. Dato' Dr. Jamil Bin Osman, Rektor INSANIAH.



# INSANIAH Jadi Pilihan Pelajar Antarabangsa

Kolej Universiti INSANIAH kini semakin dikenali bukan sahaja di dalam negara malahan juga di peringkat global. Hal ini terbukti melalui kemasukan pelajar antarabangsa yang semakin meningkat dari masa ke semasa. Seperti dari negara Thailand, China, Somalia, Kemboja, Singapura, Vietnam, India, Iraq, Utopia, Jerman, Kanada, Mesir dan Algeria.



Berteraskan pendekatan Islam dan Islamisasi ilmu yang dibangunkan, INSANIAH mahu menjadi pusat ilmu bertaraf antarabangsa dalam usaha melahirkan graduan yang mampu menguasai ilmu profesional dan agama. INSANIAH mengambil peranan dalam mencari intipati yang mampu membentuk sebuah peradaban yang hebat dengan adanya lebih ramai ilmuwan Islam yang seimbang dan holistik. Tangungjawab itulah yang ingin dipikul INSANIAH berdasarkan falsafah pendidikan yang mengagungkan ilmu hakiki, membina, mengamal dan menyebarkan untuk mencapai kebahagian dunia dan akhirat melalui gabungan ilmu dan peradaban yang tulen.



Menurut Prof. Dato' Dr. Jamil Bin Osman, Rektor INSANIAH, "Bagi mencapai matlamat tersebut, INSANIAH telah mengariskan enam objektif utama, iaitu melahirkan golongan berpengetahuan Islam dan kemahiran profesional yang menghayati Islam, membangunkan ummah berlandaskan akidah Ahlussunnah Wal Jamaah yang berfikiran terbuka, rasional, bervisi jauh, berketerampilan dan berkeyakinan teguh, membina khazanah ilmu yang berteraskan Islam dan menyebarkan ilmu tersebut untuk dimanfaatkan, menggunakan teknologi maklumat dalam semua aspek pembelajaran, penyelidikan, perundingan, penerbitan dan lain-lain aktiviti akademik, menjalin hubungan akademik di peringkat antarabangsa dan melahirkan generasi bertakwa, berakhlik mulia, personaliti yang seimbang, harmonis dan holistik".

Setelah dinaiktaraf daripada Institut Agama Islam Negeri Kedah Darul Aman kepada Kolej Universiti pada 15 Mei 2006, INSANIAH terus membangun dari aspek pengisian program pengajian yang ditawarkan dan juga infrastruktur. Kini INSANIAH telah mempunyai tujuh Kulliyah dan tiga pusat akademik iaitu Pusat Pengajaran Asasi, Pusat Bahasa dan Pusat Pengajaran Umum yang menawarkan pelbagai kursus dan program pengajian. Antara Kulliyah yang terdapat di INSANIAH ialah, Kulliyah Muamalat, Kulliyah Syariah, Kulliyah Usuluddin, Kulliyah Bahasa Arab dan Kulliyah Al-Quran. Manakala tiga Kulliyah yang baru ditubuhkan ialah Kulliyah Kejuruteraan dan Teknologi, Kulliyah Kejururawatan dan Kulliyah Multimedia dan Kreativiti.



INSANIAH juga dalam proses penambahbaikan infrastruktur dengan membuka kampus cawangan Sungai Petani dan pembinaan kampus baru di Kuala Ketil, Baling, Kedah. Upacara pecah tanah telah disempurnakan oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah pada 18 Februari yang lepas. Kewujudan kampus baru ini bakal memberikan banyak manfaat kepada rakyat di Negeri Kedah amnya dan masyarakat sekitar Baling khususnya.

### **Lawatan Muhibbah Maahad Alirsyad Lilbanat, Yala Thailand**

6 April 2009 – INSANIAH telah menerima kunjungan dari kakitangan pentadbiran dan guru-guru Maahad Alirsyad Lilbanat seramai 40 orang. Rombongan ini diketuai oleh Ustaz Rusydi Bin Sulong selaku Timbalan Pengarah Sekolah. Antara pengisian lawatan setengah hari itu ialah sesi taklimat dan penerangan mengenai program pengajian di INSANIAH, persembahan video korporat INSANIAH dan sesi dialog bersama kakitangan Perhubungan Awam.



### **Lawatan dari Universiti Narathiwat, Thailand**

12 April 2009 - Seramai 10 orang pensyarah dan 63 orang mahasiswa dari Universiti Narathiwat, Thailand telah berkunjung ke INSANIAH bagi mendapatkan maklumat mengenai program pengajian dan perkembangan terbaru INSANIAH. Rombongan ini diketuai oleh Dr. Abdul Rasyid, Pensyarah Fakulti Pengajian Islam dan Bahasa Arab Universiti Narathiwat.



### **Lawatan WAMY ke INSANIAH**

1 April 2009 – INSANIAH menerima kunjungan rasmi dari World Assembly Muslim Youth (WAMY), sebuah badan organisasi bukan kerajaan (NGO) antarabangsa yang berdaftar dengan United Nation (UN), beribu pejabat di Riyadh Arab Saudi. Lawatan rasmi ini diadakan bagi menjalankan hubungan baik dengan warga INSANIAH dalam menjalankan aktiviti-aktiviti kepimpinan dan dakwah kepada mahasiswa INSANIAH. Lawatan ini diketuai oleh Encik Abd Haris Bin Bain, Pengarah Eksekutif WAMY. Rombongan disambut Dato' Rektor dan pegawai INSANIAH sebelum mengadakan perjumpaan dengan pelajar antarabangsa dari negara China.



## Lawatan Kerja INSANIAH Ke Kulim Hi-Tech

31 Mac 2009 – Pihak Pengurusan Tertinggi INSANIAH dan 30 orang pegawai yang diketuai Rektor telah mengadakan Lawatan Kerja ke Kulim Hi-tech Park. Antara pengisian dalam lawatan tersebut ialah sesi taklimat mengenai pembangunan dan kemajuan di Kulim Hi-Tech Park oleh Presiden Kulim Technology Park Corporation Sdn. Bhd., layangan video korporat, sesi soal jawab dan lawatan sekitar Kulim Hi-Tech. Tujuan lawatan tersebut ialah bagi menjalin kerjasama dan hubungan industri antara INSANIAH dan Kulim Hi-tech Park.



# INSANIAH Anjur Seminar Ancaman Kristianisasi di Malaysia

Pusat Khidmat Komuniti INSANIAH mengambil inisiatif sebagai pusat pengembangan ilmu telah menganjurkan Seminar Ancaman Kristianisasi di Malaysia pada 29 Mac 2009 di Dewan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, INSANIAH. Seminar ini dianjurkan bertujuan memberi pendedahan bagaimana gerakan Kristian untuk menguasai bumi Malaysia serta menyedarkan masyarakat Islam bahawa ancaman Kristianisasi di Malaysia kini amat membimbangkan. Tema seminar ini ialah "Ancaman Kristianisasi : Apa Tanggungjawab Kita". Pembentangan kertas kerja seminar ini disampaikan oleh Brother Kamarudin Abdullah (bekas paderi) dan Ustaz Rashidy Jamil Muhammad Ar Rashid, Pegawai Hal Ehwal Agama Islam JAKIM.



# Jasa Dato' Zakiah Dihargai

30 Mac 2009 – INSANIAH telah meraikan jasa dan bakti YB. Dato' Zakiah Bt. Kassim, Penasihat Undang-undang Negeri Kedah merangkap Ahli Lembaga Pengarah INSANIAH dalam satu majlis perpisahan di Darulaman Golf & Country Club Jitra baru-baru ini. Jasa yang dicurahkan oleh YB. Dato' amat bermakna kepada warga INSANIAH terutamanya dalam menaikkan taraf INSANIAH daripada sebuah Institut Agama menjadi Kolej Universiti. Dalam tempoh perkhidmatan selama 3 tahun 5 bulan YB. Dato' Zakiah menjalankan tugas sebagai Penasihat Undang-undang beliau telah banyak memberi tunjuk ajar dan membantu INSANIAH. YB. Dato' akan memulakan tugas baru di Putrajaya pada 1 April 2009. Turut hadir sama pada majlis tersebut ialah YB. Dato' Wira Pegawai Kewangan Negeri, Sahibus Samahah Mufti Negeri Kedah dan pegawai-pegawai kanan INSANIAH. Warga INSANIAH mengucapkan jutaan terima kasih kepada YB. Dato' di atas segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan.



## Lawatan Sambil Belajar Dari SMA Ihsaniah Jangkang


8 April 2009 - Seramai 30 orang pelajar bersama empat orang guru pengiring dari Sekolah Menengah Agama Madrasah Ihsaniah, Jangkang, Kulim telah berkunjung ke INSANIAH bagi mendapatkan maklumat mengenai peluang pengajian yang ditawarkan di INSANIAH. Rombongan ini diketuai oleh Ustaz Mohd Helmi Bin Shaffie yang merupakan graduan lepasan INSANIAH. Objektif utama lawatan ini diadakan bagi memberi peluang kepada para pelajar mengetahui atau mendapatkan maklumat yang lengkap mengenai INSANIAH.



## “Persekutaran Islam Tarikan Utama Ke INSANIAH”: Pelajar Jerman

“INSANIAH menjadi pilihan saya untuk mendalami ilmu kerana persekitaran Islam yang wujud di sini. Berdasarkan faktor itulah yang menjadi tarikan utama kepada saya untuk berada di sini”. Itulah kenyataan yang diluahkan oleh Harun Akinci, 24 tahun yang berasal dari Bessenbach, Jerman.

Walaupun berada jauh dari negara asal, namun semangat dan tekad untuk menimba ilmu tetap membara di jiwa pelajar ini yang sedang melanjutkan pengajian dalam jurusan Bahasa Arab di Pusat Bahasa serta bakal melanjutkan pengajian di peringkat ijazah Sarjana Muda Syariah. Menurutnya lagi, budaya ilmu yang ada di INSANIAH memberi inspirasi kepada beliau untuk mendalami pelbagai bidang ilmu yang terdapat di sini. “Saya seronok belajar di INSANIAH kerana mendapat kerjasama yang baik daripada pensyarah dan kawan-kawan di sini”. Tambahnya lagi kini beliau sudah mampu bertutur sepatah dua dalam Bahasa Melayu sekaligus memudahkan lagi interaksi dengan rakan-rakan di INSANIAH.



## Jasamu Dikenang

Warga INSANIAH mengucapkan jutaan terima kasih kepada Dr. May Salem Ali Abu Bakar, Pensyarah Kulliyah Syariah yang telah menamatkan perkhidmatannya di INSANIAH. Beliau yang berasal dari Yaman melahirkan rasa bangga kerana dapat mencurahkan ilmu di INSANIAH. Segala jasa dan bakti yang telah dicurahkan kepada INSANIAH amat dihargai dan disanjung oleh semua warga di INSANIAH.





# Majlis Konvokesyen INSANIAH KE 11

INSANIAH akan mengadakan Majlis Konvokesyen Ke 11 pada 3 Ogos 2009 di Dewan Sultan Abdul Halim Mu'adzam Shah, INSANIAH. Majlis Konvokesyen pada kali ini akan dijalankan dalam dua sesi, iaitu sesi pertama di sebelah pagi akan disempurnakan oleh KDYMM Tuanku Sultan Kedah Darul Aman, Canselor INSANIAH dan bagi sesi kedua di sebelah petang oleh Dato' Dr. Abdul Halim Bin Ismail, Pro Canselor INSANIAH. Uniknya konvo pada tahun ini adalah bersempena ulang tahun ke 15 penubuhan INSANIAH.

## Muktamar Peningkatan Pengurusan Wakaf dan Zakat

INSANIAH akan mengadakan muktamar tersebut pada 30 hingga 31 Mei 2009 di Dewan Sri Negeri, Wisma Darul Aman, Kedah Darul Aman. Tema muktamar ini ialah "Menaiktaraf Zakaf & Wakaf Sebagai Sumber Dana Kewangan Institusi & Negara". Antara objektif muktamar selama dua hari ini ialah membincang semula peranan zakat dan wakaf kepada masyarakat dan kewangan Islam serta mengenal pasti sumber zakat & wakaf pada masa kini dalam konteks pengurusan dan pengagihannya. Penyertaan adalah terbuka kepada seluruh rakyat Malaysia. Muktamar ini akan dirasmikan oleh KDYMM Sultan Kedah Darul Aman dan majlis penutup oleh YAB. Dato' Seri Menteri Besar Kedah Darul Aman. Dijangka lebih dari enam kertas kerja akan dibentangkan oleh tokoh-tokoh dan cendekiawan yang berpengetahuan luas dalam wakaf dan zakat di peringkat kebangsaan. Untuk maklumat lanjut dan pendaftaran sila hubungi Sekretariat Muktamar Wakaf Dan Zakat, Pejabat Kulliyah Muamalat Kolej Universiti INSANIAH 04 - 7374370 / 04 - 7374405 / 019 - 4805389 (Mohd Hanif Bin Mohd Ali). Sebarang pertanyaan juga boleh dibuat melalui email : wakafzakat@gmail.com dan melayari laman web INSANIAH [www.kuin.edu.my](http://www.kuin.edu.my) bagi memuat turun borang penyertaan.

## INSANIAH Tuan Rumah Karnival Amal Islami IPTIM Peringkat Kebangsaan Kali Kedua

Karnival Amal Islami Peringkat Kebangsaan 2009 akan berlangsung pada 25 hingga 27 Mei 2009 di INSANIAH. Antara objektif karnival ini ialah bagi memupuk semangat kerjasama antara Institusi Pengajian Tinggi (IPT) Islam ke arah yang lebih progresif dan produktif, mencungkil bakat dan melahirkan semangat juang yang tinggi di kalangan pelajar IPT Islam yang setanding dengan Universiti lain. Terdapat enam acara yang akan dipertandingkan dalam karnival tersebut, antaranya ialah Tilawah Al-Quran, Hafazan Al-Quran, Nasyid, Debat, Pidato dan Khat. INSANIAH menjangkakan lebih daripada 15 buah IPT Islam Malaysia akan menyertai pertandingan Amal Islami pada kali ini. IPT Islam dari negara sekitar Malaysia juga turut dijemput, antaranya dari negara Thailand, Singapura dan Indonesia.

## Mesyuarat IPTIM

6 April 2009 - Telah berlangsung Mesyuarat Penyelaras Program Institut Pengajian Tinggi Islam Malaysia (IPTIM) 2009 Peringkat Kebangsaan di INSANIAH. Sebanyak 10 Institusi Pengajian Tinggi Islam telah hadir ke mesyuarat tersebut. Antara perbincangan dalam agenda mesyuarat ialah mengenai penyelaras program dan acara yang akan dipertandingkan dalam Karnival Amal Islami IPTIM Kebangsaan 2009 yang akan berlangsung di INSANIAH.

## INSANIAH Bakal Anjur Seminar Antarabangsa Bersama IRTI

Kulliyah Muamalat Kolej Universiti INSANIAH dengan kerjasama *Islamic Research and Training Institute, Islamic Development Bank, Jeddah (IRTI)* akan mengadakan "First International Conference on Comprehensive Human Development Related to Islamic Economics, Banking and Finance" pada 15 dan 16 Ogos 2009 di Langkawi, Kedah. Tema seminar ini ialah "Comprehensive Human Development-related-to-Islamic-Economics-Banking-and-Finance". Antara objektif seminar ini diadakan adalah untuk menggalakkan persefahaman yang lebih kukuh mengenai ekonomi, perbankan dan kewangan Islam serta menyediakan cadangan penyelesaian bagi isu-isu semasa secara praktikal berhubung konflik Perbankan dan Kewangan Islam. Sesiapa yang berminat menyertai seminar ini boleh menghubungi Pejabat Kulliyah Muamalat 04-7374370 / 04-7374371.

## Promosi INSANIAH

Skuad Promosi INSANIAH meneruskan usaha yang gigih dalam menyertai Pameran Pendidikan dan Karnival Pengajian Tinggi Negara 2009 yang dianjurkan oleh pelbagai agensi dan Kementerian Pengajian Tinggi. Antara lokasi yang telah dikunjungi oleh skuad promosi ini ialah SBP Intergrasi Kubang Pasu pada 26 Mac 2009, Stadium Perpaduan, Petra Jaya Kuching, Sarawak dan Pameran Expo Perdagangan Sungai Petani pada 27 hingga 29 Mac 2009, Plaza Angsana Johor Bahru pada 3 hingga 5 April 2009, Stadium Sultan Abdul Halim pada 3 hingga 4 April 2009, Dewan Wawasan 2020 di Kangar Perlis pada 6 April 2009, Karnival Pendidikan Jabatan Pelajaran Pulau Pinang pada 7 hingga 8 April 2009 dan Dewan Millenium Kepala Batas 15 hingga 16 April 2009.



### Ucapan Takziah

Al-Fatihah kepada Ayahanda Prof Madya Dr Gamel Ibrahim El-Sayed Ibrahim yang telah meninggal dunia pada 4 Rabiu Akhir 1430H Bersamaan 31 Mac 2009. Semoga beliau dicucuri rahmat dan ditempatkan di kalangan orang yang beriman.

### Temuduga INSANIAH

Jabatan Pendaftar INSANIAH telah mengadakan sesi temuduga untuk pelbagai jawatan bagi mengisi kekosongan jawatan di INSANIAH. Antara jawatan yang telah ditemuduga ialah, Pensyarah DS45, Pegawai Perkhidmatan Pendidikan Siswazah DG41, Pegawai Tadbir N41, Akauntan W41, Pustakawan S41, Penolong Pegawai Teknologi Maklumat F29, Penolong Pegawai Tadbir N27, Penolong Akauntan W27, Pembantu Tadbir (Kesetiausahaan) N17, Pembantu Tadbir (Perkeranian/Operasi) N17, Operator Mesin Pemprosesan Data Ft 1, Pekerja Awam RI, Pemandu R3 dan Tukang K3 R9.

### Peperiksaan Akhir Semester Dua Sesi 2008/2009

Syabas diucapkan kepada semua pelajar INSANIAH yang telah selamat menduduki peperiksaan akhir untuk semester kedua sesi 2008/2009 bermula pada 5 hingga 23 April 2009 dan mula bercuti pada 24 April hingga 4 Julai 2009. Untuk pendaftaran kursus sesi baru, semua mahasiswa diminta untuk merujuk Jabatan Hal Ehwal Akademik.

### Pengambilan Pelajar Baru

Jabatan Hal Ehwal Akademik INSANIAH masih membuka peluang kepada pelajar lepasan Sijil Pelajaran Malaysia (SPM), Sijil Tinggi Pelajaran Malaysia (STPM), Sijil Tinggi Agama Malaysia (STAM) untuk melanjutkan pengajian dalam pelbagai program yang ditawarkan di peringkat Asasi, Diploma dan Ijazah Sarjana Muda. Semua yang berminat boleh membuat permohonan secara online dengan melayari laman web INSANIAH di [www.kuin.edu.my](http://www.kuin.edu.my) ataupun mendapatkan borang di Jabatan Hal Ehwal Akademik INSANIAH. Kemasukan dan pendaftaran pelajar baru ini adalah pada awal Jun 2009.

## IN-SERVICE TRAINING (THE THEORY & PRACTICE OF LANGUAGE TEACHING)



Director of Center for Languages, Puan Aidahaniza Abdul Wahab recently urged that support staff be given due attention as far as English proficiency is concerned. Center for Languages holds the responsibility to educate or give some training to the support staff to cater for the most needed skills or critical usage of English in public. There has been an increase in the demand for a better command of English among the staff of Insaniah in both spoken and written English. This is due to the increase in the number of foreign students being admitted to study in INSANIAH. Correspondence with international students has created challenges. A better command of English is important in order to enhance the image of INSANIAH as an international university.

In relation to that, Center for Languages is planning a workshop known as – “English for Executives” for the support staff of INSANIAH University College. The workshop will be held on the 26th & 27th of April this month. It is aimed at giving some exposure to the support staff to the use of English in workplace situations such as the counter service, the receptions, meeting, and telephoning. All these skills are necessary for those staff who have to deal with the outsiders or people who seek immediate and efficient counter service in INSANIAH.



In the workshop, participants will be exposed to specific areas related to communicating by telephone as well as the necessary expressions to use in greetings. Besides that, participants will be exposed to the importance of using and responding to basic courtesies especially in counter service or speaking in specific situations. Participants will also be taught the proper way to deal with complaints. In the second day of the workshop, participants will also learn the skills to ask and give directions to other people especially the outsiders. Besides that, participants

will learn how to make and also react to proposals, how to reach agreements, and also some tips on how to fix grammar of oral expressions. The last part of the workshop will expose the participants to the negotiation skills and also skills needed in handling a meeting. A role play or a mock meeting planned at the end of the workshop will hopefully improve the participants ability to deal with the real and demanding situations in INSANIAH.



MUHAMMAD AZKI HANZI  
BIN IBRAHIM  
Ketua Editor

MUHAMMAD HANZI  
BIN AZIZAN  
Editor

MUHD SAHRUL HISAM  
BIN MOHAMED SALLEH  
Wartawan

MUHAMMAD NAJIB  
BIN ABDUL MAJID  
Wartawan

MUHD HIDZIR  
BIN SUIT  
Jugurbar

MUHAMMAD SYAKIFF  
BIN ABDULLAH  
Tugas-tugas Khas



KOLEJ UNIVERSITI  
**INSANIAH**  
جامعة الإنسانية

# 1 Matlamat




# 1 Wawasan



*Terokai Kejayaan Bersama Kami*

**Kampus Tetap INSANIAH**  
Kuala Ketil, Baling, Kedah Darul Aman



Diterbitkan oleh JABATAN PERHUBUNGAN AWAM KOLEJ UNIVERSITI INSANIAH :

Lebuhraya Sultanah Bahiyah, 05350 Alor Setar, Kedah Darul Aman. • Tel : 04-732 0163 • Faks : 04-732 0164 • e-mail : admin@kuin.edu.my • www.kuin.edu.my